# Panduan Takbir Hari Raya

| **Ulang 3 kali** | *Ketua melengkapkan takbir kemudian baru jemaah bertakbir.* |
|---|---|

اللهُ أَكْبَرُ... اللهُ أَكْبَرُ... اللهُ أَكْبَرُ...

***Allahu akbar, Allahu akbar, Allahu akbar..!***

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar..!

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ

***Laa ilaaha illallahu wallahu akbar***

Tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar

اللهُ أَكْبَرُ وَلِلهِ الْحَمْدُ

***Allaahu akbar walillaahil hamd'***

Allah Maha Besar dan bagi Allah segala puji-pujian

| **1 kali sahaja** | *Dilaung oleh **ketua sahaja**.*<br>*Kemudian jemaah menyahut seperti takbir di atas.* |
|---|---|

اللهُ أَكْبَرُ... اللهُ أَكْبَرُ... اللهُ أَكْبَرُ...

***Allahu akbar, Allahu akbar, Allahu akbar..!***

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar..!

اللهُ أَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا

***Allahu akbar kabiiraa, Walhamdulillaahi kathiiraa***

Allah Maha Besar sebesar-besarnya,
Dan segala puji bagi Allah sebanyak-banyaknya

---

وَسُبْحَانَ اللهُ بُكْرَةً وَأَصِيْلاً

***Wasubhaanallaahi bukrataw wa asiillaa***

Dan Subhanallah (Maha Suci Allah) pagi dan petang

---

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ
مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنُ

***Laa ilaaha illallallahu walaa na'budu illaa iyyaahu mukhlisiina lahuddiin***

Tidak ada Tuhan melainkan Allah, kami tidak menyembah kecuali kepada-Nya dengan ikhlas untuk agama (Islam)

---

وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ

***Walau karihal kaafiruun***

walaupun dibenci oleh golongan kafir

| |
|---|
| لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ<br>***Laa ilaaha illallallahu wahdah***<br>Tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Esa |
| صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ<br>***sodaqa wa’dah, wanasora ‘abdah***<br>yang benar janji-Nya, dan yang menolong hamba-Nya |
| وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ<br>***wa a’azza jundahu, wahazamal ahzaaba wahdah***<br>dan yang memuliakan tentera-tentera-Nya (tentera Muslimin), dengan mengalahkan tentera Ahzab dengan keesaan-Nya |
| لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ<br>***Laa ilaaha illallaahu wallaahu akbar***<br>Tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar |
| اللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ<br>***Allaahu akbar walillaahil hamd’***<br>Allah Maha Besar dan bagi Allah segala puji-pujian |

# Panduan Solat Sunat Aidilfitri

1. Niat

أُصَلِّى سُنَّةَ عِيْدِ الْفِطْرِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا لِلّٰهِ تَعَالَى

***Usolli sunnatan ‘idilfitri rak’ataini imaman/makmuman lillahi taala***

Sahaja aku sembahyang sunat Aidilfitri dua rakaat sebagai imam kerana Allah Taala.

2. Takbiratul ihram

3. Bertakbir tujuh kali dan diselang-seli dengan tasbih. (Takbir tujuh kali dan tasbih enam kali).

سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ
وَاللهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ
الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

***Subhanallah walhamdulillah wala ilaaha illallahu wallahu akbar wala haulawala quwwata illa billahil ‘aliyyil ‘adzim***

Maha Suci Allah, segala pujian bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah, Allah Maha Besar, dan tiada daya dan upaya serta kekuatan (bagi kita) melainkan dengan kekuasaan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung.

4. Meneruskan rakaat pertama sehingga takbir rakaat kedua.

5. Bertakbir lima kali dan diselang-seli dengan tasbih. (Takbir lima kali dan tasbih empat kali). Kemudian meneruskan rakaat kedua sehingga selesai.

# Panduan Khutbah Aidilfitri

| | |
|---|---|
| **Bilal** | Bilal berdiri menghadap jemaah (mengajak berselawat keatas nabi) dan membaca dalil daripada Surah Al-Ahzab ayat ke 56:<br>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ ۚ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا |
| **Khatib** | Khatib berdiri, mengambil tempat, memberi salam dan mula membaca khutbah pertama. Kemudian duduk setelah selesai membaca khutbah pertama. |
| **Bilal** | Membaca doa/selawat setelah khatib duduk:<br>أَمِيْن.<br>أَمِيْن.<br>يَا مُوَفِّقَ الطَّآئِعِيْن.<br>وَتُوبْ عَلَيْنَا وَعَلَى الْمُسْلِمِيْن.<br>وَاغْفِرْ ذَنْبَ مَنْ يَقُوْلُ أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْم.<br>وَنَسْتَغْفِرُ الله. |
| **Khatib** | Khatib meneruskan membaca khutbah kedua sehingga selesai. |